

# CAJAL BEBAS WAKIL BN

## Salor: Pucuk pimpinan UMNO dan BN restui

Oleh NORDIN MOHAMAD

KOTA BHARU, Ahad — Penerimaan calon bebas bagi kerusi Dewan Undangan Negeri Kelantan kawasan Salor, Enik Mohd. Tahar Jaaludin Haji Hussein menyertai UMNO dan bertanding bagi pihak Barisan Nasional, dibuat setelah mendapat restu dari pucuk pimpinan tertinggi UMNO dan BN pusat.

Perdana Menteri merangkap Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir memberitahu di sini hari ini, penerimaan calon bebas itu oleh pihak UMNO dan BN Kelantan telah dirunding dengan beliau terlebih dahulu.

"Kita mempunyai perhatian dan menerima tawaran orang yang hendak menyertai dan menolong kita," tambah beliau.

### Mengulas

Beliau telah ditemui selepas berjumpa dengan para pekerja jentera pilihanraya BN Negeri Kelantan dari semua kawasan parlimen dan negeri secara tertutut, di Bangunan UMNO Kelantan di sini.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Pengerusi BN telah diminta mengulas laporan sebuah akhbar tabloid yang menyebut bahawa penerimaan Enik Tahar itu oleh BN

Kelantan sebagai mendaki amaran keras Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam untuk memecat dan menentang habis-habisan calon-calon dari BN yang bertanding di atas tiket bebas dalam pilihanraya 22 April ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir memafatkan keadaan atau kedudukan calon bebas bagi kawasan Salor itu berlainan dengan calon-calon bebas di tempat-tempat lain.

Beliau tidak menguraikan lebih lanjut maksud "berlainan".

### Kerelaan

Mungkin apa yang disifatkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai kes yang berlainan itu, kerana calon bebas itu hanya bertanding menentang calon PAS, Enik Mustafá Ibrahim dan tokoh bebas itu pula bukan ahli dari mana-mana parti komponen BN.

Calon BN dari Berjasa, Enik Mohd. Sapian Awang telah ditolak kerjas penamaan calonnya atas sebab-sebab teknik pada hari penamaan calon 7 April.

Berita Harian difahamkan, Enik Tahar Jaaludin yang sebelum ini tidak pernah menganggotai mana-mana parti politik, atas

kerelaan sendiri menawarkan diri menyertai UMNO dan bertanding bagi pihak BN di Salor setelah mendapat calon BN ditolak kerjas penamaan calonnya.

Pertama kali Enik Tahar Jaaludin mengisytiharkan diri menyertai UMNO dan bertanding kerusi Dewan Undangan Negeri Salor itu bagi pihak BN dalam satu perjumpaan yang dihadiri hampir 1,000 orang, di Sekolah Kebangsaan Seberang Pasir Mas dekat sini pada 8 April lalu.

Hadir sama di perjumpaan itu, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah.

Dalam ucapan ringkasnya di majlis itu, Enik Tahar Jaaludin berkata, keputusannya untuk menyertai UMNO itu diambil, kerana beliau dapati perjuangannya untuk memenuhi hasrat rakyat setempat hanya boleh dicapai melalui parti itu.

"Pernyataan saya dalam UMNO ini juga, atas kepercayaan dan keyakinan penuh saya terhadap kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan lain-lain pemimpin termasuk Tengku Razaleigh Hamzah," ujarnya.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia